

Jenis Akhbar : Utusan Sarawak  
Tarikh : 14/01/2019  
Edisi / Muka Surat : Sarawak / Ekonomi (E1)  
Tajuk : ANGKASA perlu pelbagai penglibatan sektor ekonomi

## Angkasa perlu pelbagai penglibatan sektor ekonomi

**BANGI:** Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) disaran mempelbagaikan penglibatan dalam sektor ekonomi seiring sasaran kerajaan meningkatkan perolehan negara dari sektor itu kepada lebih RM50 bilion tahun depan.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof berkata ANGKASA yang menaungi 14,000 pergerakan koperasi dengan keahlian seramai 6.5 juta orang perlu menggunakan kekuatan tersebut untuk menceburi sektor ekonomi yang menjamin pulangan pelaburan seperti logistik, perladangan dan pengangkutan.

"Koperasi merupakan satu instrumen yang boleh menjadi sebuah pertubuhan masyarakat yang memacu pembangunan usahawan serta memberi sumbangan yang signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Untuk itu, ANGKASA perlu menumpukan kepada sektor ekonomi yang terjamin dan jelas nilai perolehannya, sekaligus menampakan kerelevanan mereka dengan agenda kerajaan iaitu untuk membangun, membesar dan mengembangkan KDNK negara

dari sudut sumbangan koperasi," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Pemerkasaan Koperasi Berlandaskan Semangat Kerjasama dan Keusahawanan anjuran ANGKASA di sini semalam.

Hadir sama Presiden ANGKASA Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Mohd Redzuan berkata memandangkan sektor logistik mempunyai nilai perolehan sebanyak RM170 bilion, penglibatan ANGKASA dalam sektor itu diyakini berupaya melonjakkan perolehan sektor koperasi kepada lebih RM50 bilion pada 2020 daripada RM42 bilion ketika ini.

Ketika diminta mengulas saranan Abdul Fattah yang mencadangkan perkataan "koperasi" dimasukkan ke dalam nama Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), beliau berkata cadangan itu ada lojiknya dan beliau akan membawanya untuk perhatian Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Memandangkan ANGKASA mempunyai 6.5 juta ahli dan menaungi 14,000 gerakan koperasi...asas ini boleh dipertimbangkan bagi MED ditukar kepada Kement-

erian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, namun keputusan mengenainya terpujang kepada Perdana Menteri," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Fattah menyambut baik reaksi positif Mohd Redzuan berhubung cadangan penambahan perkataan koperasi pada nama kementerian dan sedia membuat tindakan susulan untuk memastikan hasrat seluruh warga koperasi itu dapat direalisasikan.

Beliau berkata pengiktirafan terhadap gerakan koperasi melalui nama kementerian bukan sesuatu yang baharu kerana ia telah digunakan sebelum ini seperti Kementerian Pembangunan Tanah dan Koperasi, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Ia turut dipraktikkan di negara seperti Indonesia yang menggunakan nama Kementerian Koperasi, Usahawan Kecil dan Menengah serta Kementerian Pertanian dan Koperasi oleh kerajaan Thailand untuk menunjukkan wujudnya kementerian yang menguruskan hal berkaitan gerakan koperasi, katanya. — Bernama



**MESRA...** Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof (dua, kanan) beramah mesra bersama ahli-ahli koperasi Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) selepas merasmikan Konvensyen Pemerkasaan Koperasi Berlandaskan Semangat Bekerjasama dan Keusahawanan kelmarin. Turut hadir Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah. • Foto BERNAMA

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA